

Kebimbangan kestabilan politik Asia Tenggara

UM 26 JUN 2002

SINGAPURA 25 Jun — Kebimbangan mengenai kestabilan politik menyelubungi Asia Tenggara hari ini selepas pengesahan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan meletakkan jawatannya tidak lama lagi.

Ahli-ahli politik dan akademik berkata, peralihan kuasa yang lancar penting bagi rantau itu untuk berhadapan dengan ketidaktentuan politik di Indonesia.

Bagaimanapun, para pelabur merasa lega bahawa proses peralihan jawatan telah dilakukan dengan sempurna.

Parti UMNO hari ini mengumumkan kedudukan Dr. Mahathir yang akan meletakkan jawatan pada Oktober 2003 dan digantikan dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri sejak tahun 1981, mengumumkan persaraannya Sabtu lalu pada Perhimpunan Agung UMNO yang disiarkan secara langsung melalui televisyen.

Bagaimanapun, beliau akhirnya bersetuju untuk terus memegang jawatan berkenaan setelah diminta oleh UMNO bagi memastikan peralihan kuasa kepada Abdullah berjalan dengan lancar.

Peletakan jawatan Dr. Mahathir "akan memberi kesan mendalam bukan sahaja kepada kepimpinan di Malaysia, tetapi juga terhadap kepimpinan Malaysia di rantau ini," kata seorang pegawai kanan di Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina.

Dr. Mahathir yang dianggap pemimpin Islam sederhana adalah antara yang lantaka memvokong kempen antikeganasan bersama Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri.

Di Indonesia, negara yang masih dilingkari masalah kumpulan pemisah dan ketegangan etnik sejak kejatuhan Presiden Suharto pada 1998, bimbang masalah ini mungkin lebih memburuk.

"Kestabilan Malaysia paling utama buat Indonesia dan meletakkan jawatan Dr. Mahathir belum dapat menjamin perkara itu," kata Ahli Parlimen Indonesia, Amris Hassan yang juga pensyarah bidang politik antarabangsa di Universiti Indonesia.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong berpendapat, apa yang diperlukan di rantau ini adalah kesinambungan politik.

"Pada peringkat ini, rantau Asia Tenggara tidak dapat hidup jika berlaku ketidaktentuan politik di sebuah negara lain selepas Indonesia. Ia akan memberi kesan buruk kepada Asia Tenggara," ujanya kepada Straits Times di Singapura pada Ahad lalu.

Seorang penyelidik di Institut Kajian Dasar Singapura, Chang Li Lin berkata, mereka yang tidak begitu mengenali rantau ini akan menyangka sebuah lagi negara Asia Tenggara yang akan bergolak.

"Bagaimanapun, Malaysia bukan sebuah negara yang sebegitu pada masa ini kerana memiliki barisan Kabinet yang mantap. Persoalan itu mungkin tidak timbul sama sekali."

Pengurus dana Aberdeen Asset Management yang berpusat di Singapura, Chong Yoon Chou menyifatkan penjelasan yang dibuat oleh UMNO hari ini sudah tentu memuaskan perasaan ingin tahu para pelabur. — Reuters